

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, May 22, 2018 9:42 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Nikmati 100 Juadah Berbuka Puasa Di Sky Restaurant Menara Alor Setar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

22 MEI 2018 / 6 RAMADAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NIKMATI 100 JUADAH BERBUKA PUASA DI SKY RESTAURANT MENARA ALOR SETAR



UUM ONLINE: Alor Setar - Bagi mereka yang ingin berbuka puasa sambil menikmati panorama malam dari puncak menara kini boleh merasai pengalaman tersebut di Sky Restaurant Menara Alor Setar sepanjang Ramadan ini.

Pelanggan akan disajikan dengan 100 aneka menu yang merupakan sajian Warisan Sintok sempena Iftar Ramadan yang dibawakan khas EDC Hotels & Resorts, Sintok mulai 20 Mei hingga 14 Jun ini.

Naib Canselor UUM, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, dengan kadar ditawarkan pada harga berpatutan iaitu RM66 bagi dewasa dan RM46 bagi kanak-kanak itu, mereka dapat menikmati kesemua hidangan campuran dari masakan ala kampung dan juga masakan barat termasuk menu utama kambing golek yang merupakan ramuan istimewa Warisan Sintok.

Menurutnya, sajian Warisan Sintok itu adalah hasil kerjasama strategik antara UUM dan Telekom Malaysia (TM) dalam usaha mempromosikan Menara Alor Setar sebagai salah satu tarikan utama lokasi yang mesti dilawati di negeri Kedah.

“Dengan promosi ini secara tidak langsung akan membantu mengetengahkan produk UUM kepada umum khususnya dalam cabang perniagaan.

“Semua inisiatif dan kolaborasi antara UUM dan TM serta Menara Alor Setar ini adalah sebagai salah satu langkah untuk mempromosikan Menara Alor Setar sebagai tarikan utama di sini dan memperkenalkan kejayaan UUM dalam bidang perniagaan, selain sebagai institusi yang menawarkan program pengajian tinggi kepada setiap lapisan masyarakat,” katanya pada Majlis Berbuka Puasa di Sky Restaurant Menara Alor Setar, semalam.

Tambah Naib Canselor, selain menyediakan juadah berbuka puasa sepanjang Ramadan, pihaknya juga merancang pembukaan kafe outlet Manager’s Coffee di Menara Alor Setar selepas pengambilalihan pengurusan restoran berputar oleh EDC Hotels & Resorts secara tetap pada Ogos depan.

Katanya, pelbagai alternatif dirancang bagi ‘menyuburkan’ semula Menara Alor Setar termasuk mengalukan orang ramai untuk menganjurkan majlis di restoran berputar itu sambil menikmati keindahan bandar raya Alor Setar dari ketinggian 94 meter di atas paras laut.

Ujarnya, beliau yakin menara ini dapat dimanfaatkan sebaiknya, tambahan pula UUM memiliki jumlah pensyarah dan staf pentadbiran lebih 3,000 orang dan mereka boleh mengadakan pelbagai aktiviti atau program di situ.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.